

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK (PDS) (English Version)

Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan **Pinjaman Berjangka** ("Produk") dengan Hong Leong Bank Bhd.

Informasi yang diberikan dalam PDS is hanya meliputi maklumat umum produk. Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat muktamad yang akan ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan.

Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami informasi yang dinyatakan dalam PDS ini.



**Business and Corporate Banking /
Perbankan Perniagaan Dan Korporat**

Pinjaman Berjangka

< Tarikh >

1. Apakah produk ini?

- Pinjaman Berjangka ini adalah kemudahan kredit yang mempunyai tarikh matang and jadual pembayaran balik pinjaman yang telah ditetapkan. Kemudahan ini boleh dibayar balik dalam jangka masa yang tetap dengan jadual pembayaran balik berdasarkan bayaran bulanan, suku tahunan, setengah tahun atau tahunan.
- Kemudahan ini boleh digunakan untuk pembiayaan pembelian aset tetap seperti harta tanah atau mesin atau pembiayaan modal kerja atau pembiayaan perbelanjaan modal.
- Cagaran tambahan seperti deposit tetap, harta, jaminan peribadi / direktor dan lain-lain mungkin diminta bergantung kepada penilaian kredit permohonan. Bagi pembiayaan harta tanah, harta tersebut hendaklah dicagarkan kepada Bank.

2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

▪ Jumlah pinjaman pembiayaan	<RM xx >							
▪ Tempoh pembiayaan	< xx tahun > Tempoh pinjaman begantung kepada tujuan pembiayaan di mana secara umum adalah di antara 5 hingga 30 tahun.							
▪ Kadar faedah	Berdasarkan Kadar Pinjaman Asas (KPA) / 'Base Lending Rate (BLR)' <table border="1"><thead><tr><th>Tujuan Pembiayaan</th><th>Kadar Faedah</th></tr></thead><tbody><tr><td>Pembiayaan Hartanah</td><td>KPA – 2.00% setahun ke KPA + 1.00% setahun</td></tr><tr><td>Pembiayaan Modal Kerja / Perbelanjaan Modal</td><td>KPA + 0.50% setahun ke KPA + 3.00% setahun</td></tr></tbody></table>		Tujuan Pembiayaan	Kadar Faedah	Pembiayaan Hartanah	KPA – 2.00% setahun ke KPA + 1.00% setahun	Pembiayaan Modal Kerja / Perbelanjaan Modal	KPA + 0.50% setahun ke KPA + 3.00% setahun
Tujuan Pembiayaan	Kadar Faedah							
Pembiayaan Hartanah	KPA – 2.00% setahun ke KPA + 1.00% setahun							
Pembiayaan Modal Kerja / Perbelanjaan Modal	KPA + 0.50% setahun ke KPA + 3.00% setahun							
▪ Margin pembiayaan	Bergantung kepada tujuan pembiayaan. Contohnya, margin pembiayaan sehingga 80% bagi pembiayaan harta tanah							

Contoh:

- | | |
|--------------------------------------|--|
| ▪ Jumlah Pembiayaan (Prinsipal) | : RM 1,000,000 |
| ▪ Tempoh Pembiayaan | : 20 tahun / 240 bulan |
| ▪ Kadar Pinjaman Asas (kadar semasa) | : 6.89% setahun (pada Mei 2023) |
| ▪ Tujuan Pembiayaan | : Pembiayaan hartanah |
| ▪ Kadar Faedah (Tahun 1-20) | : BLR – 2.00% setahun |
| ▪ Kadar Pinjaman Efektif | : 4.89% setahun |
| ▪ Jumlah Pembayaran Balik | : RM 1,569,346.22 |

Pengiraan Jumlah Pembayaran Balik adalah berdasarkan ‘Jumlah Prinsipal’ tambah ‘Jumlah Kadar Faedah’.

(Jumlah Prinsipal RM 1,000,000 + Jumlah Kadar Faedah RM 569,346.22)

Tempoh (Bulan)	Prinsipal (RM)	Kadar Faedah (RM)	Ansuran Bulanan (RM)	Baki Prinsipal (RM)	Jumlah Kadar Faedah (RM)
1	2,463.94	4,075.00	6,538.94	997,536.06	4,075.00
2	2,473.98	4,064.96	6,538.94	995,062.07	8,139.96
3	2,484.06	4,054.88	6,538.94	992,578.01	12,194.84
:	:	:	:	:	:
:	:	:	:	:	:
239	6,485.97	52.97	6,538.94	6,512.40	569,319.68
240	6,512.40	26.54	6,538.94	(0.00)	569,346.22

Nota: Sila ambil perhatian bahawa kadar dan tempoh tertera di atas adalah indikatif sahaja. Jumlah dan tempoh pembiayaan, kadar faedah dan kadar efektif pembiayaan yang muktamad adalah tertakluk kepada kelulusan kriteria oleh pihak Bank dan mungkin berbeza daripada yang tertera di atas. Untuk maklumat sebenar pinjaman berjangka yang ditawarkan, sila rujuk kepada surat perjanjian tawaran dan perjanjian kemudahan.

3. Apakah kewajipan saya?

- Bayaran ansuran bulanan ialah < RM xx >
- Jumlah pembayaran balik bagi tempoh < xx tahun > ialah < RM xx >
- Bayaran faedah progresif pinjaman sebelum pengeluaran jumlah penuh pinjaman. Bayaran jumlah ansuran bulanan setelah pegeluaran penuh pinjaman.
- Jadual pembayaran balik untuk pinjaman berjangka ini adalah berdasarkan bayaran bulanan atau suku tahunan atau setengah tahunan dengan jumlah ansuran bulanan tetap yang merangkumi jumlah prinsipal dan faedah. (Pengiraan berdasarkan kadar boleh ubah dan pelunasan baki bulanan).

NOTIS PENTING: Jumlah ansuran bulanan dan jumlah pembayaran balik pembiayaan akan berbeza jika kadar faedah berubah (contohnya perubahan KPA).

Jadual di bawah menunjukkan perubahan jumlah ansuran bulanan dan jumlah pembayaran balik pembiayaan jika ada perubahan kepada KPA berdasarkan jumlah pinjaman RM 1,000,000 untuk tempoh 20 tahun.

Kadar (KPA – 2.00% setahun)	KPA semasa	Jika KPA naik 1.00%	Jika KPA turun 1.00%
KPA	6.89% p.a.	7.89% p.a.	5.89% p.a.
Kadar Pinjaman Efektif	4.89% p.a.	5.89% p.a.	3.89% p.a.
Jumlah ansuran bulanan	RM 6,538.94	RM 7,101.00	RM 6,002.00
Jumlah kadar faedah pinjaman	RM 569,346.22	RM 704,239.04	RM 440,479.50
Jumlah pembayaran balik	RM 1,569,346.22	RM 1,704,239.04	RM 1,440,479.50

Nota: Pengiraan jumlah kadar faedah dikenakan dan jumlah pembayaran balik pembiayaan dalam jadual di atas adalah berdasarkan senario dimana perubahan KPA berlaku sebelum pengeluaran pinjaman. Sekiranya, KPA berubah semasa tempoh pinjaman, jumlah kadar faedah dan jumlah pembayaran balik akan berbeza.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

▪ Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
▪ Yuran Guaman (jika berkenaan)	Mengikut skala dalam Perintah Ganjaran Peguamcara (SRO)
▪ Yuran Pengeluaran	Termasuk fi and yuran untuk pendaftaran untuk gadaian, carian tanah, cukai kerajaan dan lain-lain cukai atau levi mengikut skala caj yuran oleh pihak berkuasa dan carian kebankrapan.
▪ Yuran Kemudahan	Tidak berkenaan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Untuk senarai lengkap yuran dan caj Perbankan Perniagaan dan Korporat, sila layari laman web kami di www.hlb.com.my

5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

NOTIS PENTING: Untuk maklumat lanjut, sila baca terma-terma dan syarat-syarat muktamad seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian pembiayaan kemudahan.

▪ Penalti Pembayaran Lewat	<p>Sekiranya terdapat tungakkan / pembayaran lewat, Bank akan mengenakan 1.00% setahun (atau kadar lain*) pada jumlah tungakkan sehingga pembayaran jumlah tunggakan dijelaskan.</p> <p>*Nota: Pihak Bank akan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada anda sebelum kadar baharu dikenakan.</p>
▪ Kadar Kemungkiran	Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran (sama ada jumlah prinsipal atau faedah atau jumlah yang perlu dibayar kepada Bank, termasuk kemungkiran pembayaran apabila Bank telah membuat permintaan atau menarik balik kemudahan pinjaman), pihak Bank akan mengenakan 1.00% setahun sebagai tambahan kepada kadar yang ditentukan, dari tarikh tunggakan hingga waktu pembayaran dilakukan.

<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hak Penolakan 	<p>Pihak Bank berhak untuk menolak selesai mana-mana baki kredit daripada mana-mana akaun anda dengan Bank kami untuk menjelaskan sebarang baki tertunggak sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian kemudahan dan jika berkenaan, anda akan diberi notis pemberitahuan awal oleh pihak Bank.</p>
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hak untuk memulakan proses pengambilan semula dan tindakan undang-undang 	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi balasan kepada notis peringatan. Aset anda juga akan dihalang tebus dan anda akan membayai segala kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan (baki tertunggak) setelah aset anda dijual.</p> <p>Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pengambilan semula (termasuk melantik pihak ketiga sebagai agensi pengutip hutang), menghalang tebus dan prosiding kebankrapan.</p> <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjelaskan tahap penarafan kredit anda, mengakibatkan kelulusan permohonan mana-mana kemudahan kredit lebih sukar atau kadar faedah pinjaman lebih mahal.</p>

6. Bagaimana jika saya menjelaskan pinjaman sebelum tempoh matang?

- Bayaran pendahuluan penuh atau bayaran pendahuluan sebahagian tertakluk kepada (3) bulan notis bertulis. Tanpa notis, peruntukan sebanyak (3) bulan kadar faedah yang ditetapkan akan dikenakan ke atas sebarang jumlah pendahuluan / prabayar.
- Untuk penebusan awal atau penyelesaian awal dalam tempoh lima (5) tahun pertama dari tarikh pengeluaran pertama, 3% daripada had Pinjaman Berjangka yang diluluskan atau jumlah RM5,000.00 yang mana lebih tinggi (Terpakai hanya untuk Pinjaman Jangka Tetap) perlu dibayar.
- Segala bayaran pendahuluan yang diterima oleh Bank tanpa notis bertulis, akan dianggap sebagai pembayaran pendahuluan. Bayaran pendahuluan yang diterima tidak akan digunakan untuk pembayaran balik jumlah prinsipal yang belum dibayar sehingga semua faedah yang perlu dibayar atau mana-mana faedah yang dianggap sebagai tungakkan telah dibayar. Sebarang pembayaran pendahuluan hanya dibenarkan jika jumlah pinjaman telah dikeluarkan sepenuhnya.
- Untuk bayaran pendahuluan sebahagian, jumlah yang diprabayar hendaklah digunakan untuk tujuan pembayaran mengikut jadual kematangan secara songsang. Jumlah prabayar tidak boleh dikeluarkan semula.
- Sebarang notis prabayar tidak boleh ditarik balik. Sekiranya anda ingkar dalam pembayaran pendahuluan anda selepas tamat tempoh notis prabayar, Bank berhak untuk mengenakan faedah tambahan tiga (3) bulan dan faedah tersebut akan menjadi sebahagian daripada jumlah terhutang kepada Bank.

7. Adakah saya memerlukan insurans atau perlindungan takaful?

- Sekiranya harta diambil sebagai cagaran untuk kemudahan ini, polisi insurans yang berikut disyorkan diambil daripada syarikat insurans panel atau bukan panel:
 - a) Insuran Bertempoh Gadai Janji Berkurangan (MRTA) atau Takaful Gadai Janji Berkurangan (MRTT) untuk melindungi peminjam sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.
 - b) Insurans kebakaran atau insurans pemilik rumah untuk perlindungan harta (wajib).

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran peribadi saya?

- Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat butiran peribadi untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya.
- Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami atau memaklumkan kami secara bertulis ke:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking
Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong,
No. 6, Jalan Damanlela Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur
E-Mel : SME@hlbb.hongleong.com.my

9. Dimana boleh saya mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking
Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela Bukit
Damansara 50490 Kuala Lumpur
No Telefon : 03-7661 7777
E-Mel : SME@hlbb.hongleong.com.my
Laman Web : www.hlb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan:

- a) Khidmat Nasihat Pembiayaan yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama diantara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC
Alamat : Penasihat CGC di mana-mana cawangan di seluruh negara. Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches/>
No Telefon : 03- 7880 0088
E-Mel : myknp@cgc.com.my
Laman Web : <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

- b) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstruktur hutang, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250
Kuala Lumpur
No Telefon : 03- 2616 7766
E-Mel : enquiry@akpk.org.my
Laman Web : <https://www.akpk.org.my/smehelpdesk>

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan

Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong,
No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No Telefon : 03-7626 8821 / 03-7626 8802 / 03-7626 8812
E-Mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

Alamat : 4th Floor, Podium Bangunan AICB, No.10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
No Telefon : 1-300-88-5465 or 03-2174-1717 (untuk panggilan luar negara)
Borang Web : bnmlink.bnm.gov.my/

10. Dimana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda memerlukan maklumat tambahan untuk **Pinjaman Berjangka**, sila rujuk pada www.hlb.com.my

11. Produk lain dengan kemudahan yang serupa disediakan oleh Bank

- Tiada.

NOTIS PENTING

JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR ANSURAN BULANAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA,
BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MENGHALANG
TEBUS ASET ANDA YANG DIBIAYAI OLEH / DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK.

Maklumat yang diberikan dalam helaian makluman produk ini adalah sah pada <hh/bb/tt>